

VALUES @CITra

e-Bulletin of Centre for the Initiation of Talent and Industrial Training (CITra)

Bengkel Pemantapan Staf dan Hala Tuju CITra 2019

Puan Putri Harlinda Ibrahim



CITra pada 25-27 Januari 2019 telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Staf dan Hala Tuju CITra di Corus Paradise Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Seramai 24 orang staf telah hadir ke bengkel ini. Antara objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk:



- Memantap dan memurnikan hala tuju, visi dan misi CITra sejajar dengan Perancangan Strategik Universiti Malaya.
- Berbincang dan mengenal pasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai bagi kursus Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) selaras dengan kriteria kurikulum berpacuan Revolusi Perindustrian 4.0 seperti yang disarankan dalam Kajian Pasukan Task Force Transformasi Program Akademik Universiti Awam.
- Menambahbaik proses kerja pentadbiran bagi pengurusan kursus MPU dan Latihan Industri selaras dengan perkembangan dan keperluan semasa.

Isi Kandungan

Bengkel Pemantapan Staf dan Hala Tuju CITra 2019....	1
Bengkel Training of Trainers (ToT).....	4
Huawei Connected Campus Recruitment Tour 2019...	9
Mesyuarat Bersama Prof. Laurence, Dekan, Faculty of International Liberal Arts (FILA) & Prof. Ichiro Sugimoto, Soka University, Jepun.....	11
Lawatan Pelajar Soka University, Jepun ke Perkampungan Budaya Mah Meri.....	12
Penglibatan Staf CITra sebagai Pemerhati PRK Semenyih.....	14
Lawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) ke CITra.....	15

Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri
Centre for the Initiation of Talent and Industrial Training (CITra)
Universiti Malaya
50603, Kuala Lumpur

No. telefon: 03-7967-5410
Emel: citra@um.edu.my
Laman web: <https://citra.um.edu.my>



Antara kandungan aktiviti dan program sepanjang bengkel diadakan adalah:

- Pembentangan Hala Tuju CITra oleh Dr. Wendy Yee Mei Tien, Pengarah CITra dan sesi perbincangan Pemantapan Hala Tuju, visi dan misi CITra yang selaras dengan Perancangan Strategik Universiti Malaya.
- *Sharing Session on Graduates Student Attribute (GSA) and Effective Pedagogy* oleh Dr. Farrah Dina binti Yusop, Pengarah Pusat Penambahbaikan Akademik dan Pembangunan Kepimpinan (ADeC).
- Latihan Pembangunan Staf yang merangkumi dua sesi iaitu *Enhancing Service Delivery: English for Customer Service* oleh Dr. Cecilia Cheong Yin Mei, Fakulti Bahasa dan Linguistik dan *Languages Awareness: Writing Letters and Emails* oleh Dr. Azlin Zaiti Zainal, Fakulti Bahasa dan Linguistik.
- Ceramah bertajuk *Integrity and Positive Values at Work* oleh Puan Emily Chin Soo May, Fasilitator jemputan dari D Jungle People Sdn. Bhd.
- Sesi perkongsian *Best Practice* untuk pengajaran dan pembelajaran oleh Dr. Irene Yong Seok Ching, Pensyarah Kanan CITra. Kaedah yang dibentangkan adalah *Human Centered Approach* dan *Student Centered Approach*.
- Penghasilan manual kerja bagi pengurusan kursus MPU dan Latihan Industri oleh staf pentadbiran CITra.
- Penetapan program dan aktiviti CITra bagi tahun 2019 selaras dengan hala tuju baharu CITra.



Staf melakukan aktiviti bersama fasilitator D Jungle People Sdn. Bhd.



Ceramah bertajuk *Integrity and Positive Values at Work* oleh Puan Elimy Chin Soo May, Fasilitator jemputan dari D Jungle People Sdn. Bhd.



Peserta bengkel dalam aktiviti Team Building.



Penetapan program dan aktiviti CITra bagi tahun 2019.

Bengkel Training of Trainers (ToT)

Hubungan Etnik & TITAS

Puan Faridah Che Husain

Bengkel *Training of Trainers (ToT)* Kursus Hubungan Etnik dan TITAS pada 14 Februari 2019 (Khamis) bertempat di Bilik Seminar 1 & 2, CITra. Bengkel ini melibatkan semua pensyarah CITra dan pensyarah sambilan yang mengajar kursus Hubungan Etnik dan TITAS bagi Semester II, 2018/2019.

Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan dan maklumat terkini mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (pdp) kursus Hubungan Etnik dan TITAS di Universiti Malaya. Antaranya ialah Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (*High Impact Educational Practices – HIEPs*) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam proses pdp bagi kursus MPU.



Taklimat mengenai pelaksanaan pdp kursus TITAS oleh Puan Faridah Che Husain.

Bengkel ini turut disusuli dengan beberapa siri taklimat mengenai impak kursus kepada pelajar, kandungan kursus, pelaksanaan SPeCTRUM V3, hal-hal berkaitan kualiti kursus termasuklah keperluan melengkapkan fail kursus dan borang-borang Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) serta perbincangan mengenai kaedah dan amalan terbaik pdp. Bengkel yang bermula pada jam 2.00 petang ini selesai dengan sempurna pada jam 5.30 petang.



Taklimat mengenai impak kursus kepada pelajar dan *Graduate Student Attributes* oleh Timbalan Pengarah Pengajian Umum CITra, Dr. Rohana Mahmud.



Kata alu-aluan oleh Pengarah CITra, Dr. Wendy Yee Mei Tien semasa sesi pembukaan bengkel.



Taklimat berkaitan hal-hal kualiti kursus Hubungan Etnik dan TITAS oleh Pengurus Kualiti CITra, Dr. Irene Yong Seok Ching.



Taklimat mengenai pelaksanaan pdp kursus Hubungan Etnik oleh Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Azzis.



Para peserta bengkel yang terdiri daripada pensyarah CITra dan pensyarah sambilan yang mengajar kursus Hubungan Etnik dan TITAS bagi Semester II, 2018/2019.

Asas Pembudayaan Keusahawanan

Dr. Kannaki Vaithlingam

Bengkel ToT APK telah diadakan pada 13 Januari 2019 dan dipengerusikan oleh Dr. Ponmalar N. Alagappar. Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti perancangan kursus APK bagi Semester II, Sesi 2018/2019 serta perbincangan mengenai penyelarasan hasil pembelajaran kursus, maklumat kursus dan jadual pengajaran. Dalam bengkel ini, penyelarasan kursus turut dibuat agar setiap kelas dilibatkan dengan pihak industri bagi memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran kursus.

Bagi Semester II, Sesi 2018/2019, setiap kelas akan dihadiri oleh penceramah industri yang telah berjaya dalam bidang keusahawanan pada minggu ke-7. Selain itu, program-program lain yang turut dirancang adalah seperti *Entrepreneurial Mind Set*, sesi latihan bersama *The Lost Food Project*, *Marketing Portfolio* dan *Digital Marketing*.



Pensyarah APK berbincang mengenai perancangan pengajaran dan pembelajaran kursus bagi Semester II, Sesi 2018/2019.

Kokurikulum

**Dr. Wong Seng Yue
Encik Ahmad Rudin Gimam**

Bengkel Training of Trainers (ToT) Kokurikulum (Ko-K) telah diadakan pada 13 Februari 2019 dari jam 2.00-4.30 petang, bertempat di Bilik Seminar 1 & Bilik Seminar 2, CITra. Bengkel ini dipengerusikan oleh Dr. Rohana Mahmud selaku Timbalan Pengarah (Pengajian Umum) dan disertai oleh para pengajar Ko-K yang mengajar pada Semester II, 2018/2019.

Dalam bengkel ini, perkongsian mengenai aspek pengajaran, cara pengendalian fail kursus, impak kursus Ko-K serta hal-hal lain yang berkaitan dengan kursus telah diadakan dengan para pengajar. Di samping itu, perkongsian mengenai aktiviti *University Community Engagement* (UCE) turut disampaikan oleh Penyelaras UCE iaitu Dr. Ponmalar N. Alagappar. Bengkel ToT berakhir dengan sesi soal jawab oleh para pengajar kursus.



Pengajar Ko-K mendengar taklimat daripada Dr. Rohana Mahmud, Timbalan Pengarah MPU CITra.



Dr. Ponmalar Alagappar, Penyelaras UCE menyampaikan maklumat mengenai pelaksanaan UCE Semester II, Sesi 2018/2019.



Peserta Bengkel ToT Kokurikulum.

Jalinan Masyarakat

Encik Mohd. Fadhli Othman

Pada 14 Februari 2019, CITra telah menganjurkan satu Bengkel *Training of Trainers* (ToT) untuk kursus Jalinan Masyarakat (JM) bagi semua Penyelaras JM. Sesi pada kali ini melibatkan seramai 26 orang Penyelaras JM daripada 26 buah program yang menawarkan kursus JM pada Semester II, Sesi 2018/2019. Dua orang penceramah daripada CITra iaitu Dr. Wendy Yee Mei Tien (Pengarah) dan Encik Mohd. Fadhli Othman (Penolong Pegawai Tadbir) telah ditugaskan untuk menyampaikan taklimat berkaitan kursus kepada semua Penyelaras JM.

Tujuan bengkel diadakan adalah bagi memberi pendedahan dan latihan berkaitan pelaksanaan gerak kerja kursus JM kepada semua Penyelaras JM untuk dipraktikkan di peringkat program dan fakulti masing-masing. Selain itu, semua penyelaras turut diajar cara-cara untuk melengkapkan borang-borang yang berkaitan bagi memastikan maklumat yang diberi mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak CITra.



Antara Penyelaras JM daripada fakulti yang hadir semasa Bengkel ToT.



Ucapan alu-aluan daripada Dr. Wendy Yee Mei Tien, Pengarah CITra.



Dr. Shamsul Azlin Ahmad Shamsudin dari Fakulti Sains berkongsi maklumat berkaitan aktiviti JM yang telah dijalankan pada sesi sebelum ini kepada semua peserta.



En. Mohd. Fadhli Othman menerangkan cara-cara pengisian borang kursus kepada semua penyelaras.



Huawei Connected Campus Recruitment Tour 2019

Cik Nurhafizah Jafri

Program Huawei Connected Campus Recruitment Tour 2019 telah dijalankan dengan kerjasama GenYouth pada 27 Februari 2019 (Rabu) di Kompleks Perdanasiswa, Universiti Malaya. Program ini telah dihadiri oleh lebih daripada 700 orang pelajar Universiti Malaya.

Objektif utama program ini adalah untuk mendekatkan hubungan antara pelajar dengan industri di samping memberi pendedahan kepada pelajar mengenai peluang kerjaya dengan Huawei. Pelajar yang hadir berpeluang untuk menyerahkan *resume* mereka dan menyertai *walk-in interview* bersama wakil Huawei. Melalui program ini juga, pihak Huawei menawarkan tajaan pengajian kepada pelajar yang berkelayakan.



Pemenang cabutan bertuah.

Antara aktiviti menarik dalam program ini adalah sesi ceramah oleh En. ZhuRui, *Regional HR Director* Huawei dengan tajuk ceramah beliau “The Only Limit is your Imagination, Employment with Huawei”. Sesi ini amat bermanfaat kepada pelajar terutama sekali dalam menyediakan pelajar ke alam pekerjaan yang sebenar. Huawei turut menyediakan aktiviti-aktiviti lain dengan hadiah-hadiah cabutan bertuah bernilai lebih daripada RM10,000.00 yang berupa telefon bimbit dan aksesorinya.



Sesi ceramah bersama En. ZhuRui, *Regional HR Director* Huawei.



Pelajar mendaftar untuk program di samping mendapatkan nombor cabutan bertuah.



Sesi walk-in interview dan penyerahan resume oleh pelajar.



Dr. Wendy Yee Mei Tien (Pengarah CITra) bergambar bersama pihak Huawei dan wakil fakulti.

Mesyuarat Bersama Prof. Laurence, Dekan Faculty of International Liberal Arts (FILA) & Prof. Ichiro Sugimoto, Soka University, Jepun

Dr. Wendy Yee Mei Tien & Dr. Ponmalar N. Alagappar

Pihak pengurusan CITra telah mengadakan satu perjumpaan dengan Prof. Laurence (Dekan) dan Prof. Sugimoto dari Faculty of International Liberal Arts (FILA), Soka University Jepun pada 1 Mac 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat CITra. Tujuan perjumpaan ini adalah untuk membincangkan kolaborasi antara pelajar dan staf akademik antara dua institusi ini. Perjumpaan ini telah menggariskan perancangan untuk menandatangani MOA sebagai usaha untuk menjamin program kolaborasi antara dua institusi ini dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.



Perbincangan bersama pelajar dari Soka University berkenaan projek keusahawanan sosial bersama kaum Mah Meri.



Pertukaran cenderahati antara Prof. Ichiro Sugimoto (Faculty of International Liberal Arts- FILA, Soka University) dengan Dr. Wendy Yee Mei Tien (Pengarah CITra).

Lawatan Pelajar Soka University, Jepun ke Perkampungan Budaya Mah Meri

Dr. Ponnalar N. Alagappar & Dr. Rohana Mahmud

Pada 27 Februari 2019, projek Keusahawanan Sosial (*Craft to Wealth Project*) telah menjalankan satu aktiviti bagi memperkenalkan budaya dan kraf tangan orang asli Mah Meri kepada seramai 30 orang pelajar antarabangsa daripada Faculty of International Liberal Arts (FILA), Soka University, Jepun. Para pelajar ini turut diiringi oleh Prof. Sugimoto (Pensyarah Kanan), Prof. Laurence (Dekan FILA), Dr. Ponnalar N. Alagappar (Timbalan Pengarah, Latihan Industri CITra) dan Dr. Rohana Mahmud, Timbalan Pengarah (Pengajian Umum).

Kesemua mereka telah mengikuti sesi demonstrasi origami dan pertunjukan budaya perkahwinan Mah Meri di lokasi Kampung Budaya Mah Meri, Pulau Carey, Selangor. Para pelajar amat teruja mencuba anyaman daun yang dipelajari daripada kumpulan gadis Mah Meri memandangkan seni anyaman tersebut agak serupa dengan skil origami masyarakat Jepun.

Pelajar seterusnya telah membentangkan cadangan kertas kerja mereka dan mengetengahkan idea anyaman Mah Meri sebagai idea baru origami komuniti di Jepun dengan hasil dana pendapatan daripada usaha ini akan dikembalikan semula kepada komuniti Mah Meri.



Pelajar Soka University mendengar penerangan Encik Rashid (Pengarah, Perkampungan Budaya Mah Meri) mengenai cara komuniti Mah Meri mengaluh-alukan tetamu mereka.



Gadis Mah Meri menunjukkan cara membuat anyaman daun.

Para pelajar Soka University mempelajari cara membuat anyaman daun.



Dari sebelah kiri: Encik Derek, Dr. Rohana Mahmud, Prof. Sugimoto, Prof. Laurance dan Dr. Ponmalar N. Alagappar.

Pelajar Soka University melihat tayangan video mengenai kehidupan komuniti Mah Meri.



Pembentangan cadangan kertas kerja oleh pelajar Soka University.

Penglibatan Staf CITra sebagai Pemerhati PRK Semenyih

Dr. Muhammad Shamshinor Abdul Azzis

Seramai lima orang pensyarah kursus Hubungan Etnik dan Tamadun Islam & Tamadun Asia Tenggara (TITAS) telah dilantik secara rasmi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) untuk menjadi Pemerhati Pilihan Raya bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) N.24 Semenyih. Kumpulan lima pensyarah ini terdiri daripada Dr. Muhammad Shamshinor Bin Abdul Azzis, Puan Faridah Binti Che Hussain, Dr. Fatimi Binti Hanafi, Dr. Faezah Binti Kassim dan Dr. Noor Ain Binti Mohd Noor. Menurut pemakluman dari wakil SPR, Universiti Malaya merupakan wakil tunggal dalam kalangan universiti seluruh Malaysia yang dilantik menjadi Pemerhati Pilihan Raya bagi PRK tersebut. Kumpulan pensyarah ini juga merupakan perintis kepada penyertaan Universiti Malaya sebagai sebuah sebuah institusi untuk menjadi Pemerhati perjalanan dan proses sesebuah PRK.

Antara skop tugas untuk Pemerhati Pilihan Raya bagi PRK ini ialah proses penamaan calon, kempen pilihan raya, proses pengeluaran undi pos, proses undi awal serta proses pengiraan undi dan penjumlahan rasmi undi. Peluang dan pengalaman sebagai Pemerhati Pilihan Raya ini dapat dimanfaatkan sebagai bahan pengajaran di bilik kuliah, khususnya untuk dua kursus universiti yang penting iaitu Hubungan Etnik dan TITAS; seterusnya menerapkan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar Universiti Malaya.



Pemerhati bergambar bersama calon PRK Semenyih.



Pemerhati bergambar bersama petugas SPR.

Lawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) ke CITra

Puan Putri Harlinda Ibrahim

CITra telah menerima lawatan daripada YBhg. Profesor Dr. Kamila binti Ghazali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaya pada 20 Mac 2019 (Rabu). Antara tujuan lawatan YBhg. Profesor Dr. Kamila ke CITra adalah untuk berbincang dan mengetahui hala tuju baharu CITra selaras dengan perubahan semasa dan perkembangan terkini. Beliau juga ingin mendapatkan maklum balas berhubung pengurusan akademik bagi kursus-kursus wajib universiti yang ditawarkan di bawah MPU di samping menyemak peluang-peluang dan ruang untuk memperkasa CITra ke arah menambah nilai atribut pelajar Universiti Malaya.

Beliau juga berminat untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkaitan kursus-kursus dan program-program yang dapat mencetus dan membangunkan bakat pelajar serta pengendalian Bengkel Persediaan Latihan Industri.

Di samping itu, YBhg. Profesor Dr. Kamila juga meluangkan masa melawat sekitar pejabat CITra dan melihat persekitaran fizikal bangunan CITra seperti Bilik Seminar, Bilik Muzik, Bilik Kraftangan dan bilik-bilik pensyarah.



Dr. Rohana Mahmud, Timbalan Pengarah Pengajian Umum mengalu-alukan kehadiran YBhg. Prof. Dr. Kamila Binti Ghazali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) ke CITra.



Sesi soal jawab staf akademik CITra bersama YBhg. Prof. Dr. Kamila Binti Ghazali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).



Lawatan YBhg. Prof. Kamila Binti Ghazali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) di sekitar bangunan CITra.



YBhg Prof. Kamila binti Ghazali, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bergambar bersama staf CITra.



Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri
Centre for the Initiation of Talent and Industrial Training (CITra)
Universiti Malaya
50603, Kuala Lumpur

